



SIJIL PENDAFTARAN PENYEDIA LATIHAN

AKTA PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD, 2001

RCERT (SEA) SDN BHD

**adalah dengan ini didaftarkan sebagai penyedia latihan di bawah
Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia**

Tarikh Diluluskan	Tarikh Tamat
30/06/2015	29/06/2018

30/06/2015

Tarikh Dikeluarkan

Pembangunan Sumber Manusia Berhad



**PERJANJIAN SBL-KHAS
PSMB**

**PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
BERHAD**

DENGAN

HRDF
—MALAYSIA—

**RCERT (SEA) SDN BHD
NO. 19B**

**JLN BAYU TINGGI 2B/KS6
BATU UNJUR
41200 KLANG
SELANGOR**

PERJANJIAN PERKHIDMATAN SKIM BANTUAN LATIHAN KHAS (SKIM LATIHAN SBL-KHAS) PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD (PSMB)


Perjanjian ini dibuat pada **11 haribulan Ogos tahun 2016** seperti yang dinyatakan di dalam Item 1 Jadual 1 di dalam ini Perjanjian ini.

DI ANTARA

PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD (545143-D), sebuah syarikat berhad menurut jaminan yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat, 1965 dan mempunyai alamat berdaftar di Tingkat 7, Wisma PSMB, Jalan Beringin, Damansara Heights, 50490 Kuala Lumpur (kemudian ini dinamakan "**PSMB**") di satu pihak;

DAN

Pihak yang mana nama dan butirannya adalah seperti yang dinyatakan di dalam Item 2 Jadual 1 di dalam ini Perjanjian ini (selepas ini dirujuk sebagai "**Penyedia Latihan**") di pihak yang satu lagi.



BAHAWASANYA :

- I. PSMB adalah sebuah syarikat Berhad menurut jaminan yang bertanggungjawab untuk mengutip levi pembangunan sumber manusia (selepas ini dirujuk sebagai "**PSM**") bagi maksud penggalakkan latihan pekerja, penubuhan dan pentadbiran Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (selepas ini dirujuk sebagai "**KWPSM**") sebagai mana yang diperuntukkan di bawah Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001 (selepas ini dirujuk sebagai "**Akta PSMB**")
- II. Penyedia Latihan adalah sebuah syarikat yang berdaftar dengan PSMB mengikut kategori samada Penyedia Latihan kategori "A", "B" atau "B (HO)" dan menjadi Penyedia Latihan bedaftar dengan PSMB melalui sijil bernombor **678112U** (selepas ini dirujuk sebagai "**Sijil Pendaftaran tersebut**") di mana aktiviti perniagaannya ialah menyediakan latihan atau kursus kepada majikan-majikan termasuk majikan yang berdaftar dengan PSMB.